

03/10/2001

PM rasmi sidang CEO esok

PERSIDANGAN Tindakan Ketua Eksekutif (CEO) bagi Industri Pengetahuan dan Mapan 2001 (CEO Aksi Summit 2001) yang akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok dijangka menarik 300 peserta.

Persidangan anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) dan MyBiz (M) Sdn Bhd (MyBiz) itu antara lain bertujuan membincangkan usaha untuk mempercepat dan meluaskan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di kalangan syarikat tempatan.

Ia juga bertujuan berkongsi pendapat mengenai pembangunan ICT dalam proses perniagaan dan untuk mendapat komitmen pengurusan syarikat terhadap penggunaan ICT dalam proses pengeluaran dan pemasaran.

Miti dalam kenyataannya berkata, selain sesi berdialog dengan Perdana Menteri, peserta juga akan mengikuti sesi perbincangan yang mana CEO akan berkongsi pengalaman mengenai penggunaan ICT.

Miti berkata, persidangan itu memberi peluang kepada pengurusan syarikat membentangkan cadangan dan saranan bagi menggalakkan penggunaan ICT secara meluas terutamanya dalam proses perkilangan dan perdagangan.

"Cadangan yang dikemukakan diharap dapat membantu syarikat tempatan terutamanya Industri Kecil dan Sederhana (IKS) digabungkan dengan rangkaian bekalan global," katanya.

Semua cadangan yang dikemukakan akan digunakan Miti dan agensi kerajaan sebagai panduan merangka dan melaksanakan program bagi mempercepatkan pelaksanaan pembuatan elektronik (e-pembuatan) dan perdagangan elektronik (e-dagang).

(END)